

Bahan kimia berbahaya boleh sebabkan kecacatan otak, rosakkan organ dalaman

# Kosmetik tiruan pembunuh senyap

KOSMO 14/11/12 MS 6

Oleh NADIA SHAFUL BAHARI  
nadia.bahari@yahoo.com

**KUALA LUMPUR** - Ramai wanita yang menggunakan produk kosmetik tiruan tidak menyedari bahawa barangan tersebut sebenarnya merupakan pembunuh senyap termasuk boleh mengakibatkan kecacatan kekal pada otak.

Pakar Perunding Kulit, Dr. Ko Chung Beng (**gambar kecil**) berkata, kosmetik tiruan mengandungi campuran bahan kimia bertoksik yang sangat berbahaya pada kulit, organ dalaman dan sistem saraf manusia.

**Eksklusif**



"Penggunaan kosmetik tiruan dalam tempoh panjang menyebabkan bahan kimia berbahaya itu meresap ke dalam liang kulit seterusnya berkumpul dan meningkatkan jumlah toksik dalam badan.

"Pengguna boleh terdedah kepada risiko kehilangan sel otak

## INFO Bahaya kosmetik tiruan

Mengandungi kimia bahaya seperti:

- Aluminium
- Logam berilium
- Plumbum
- Arsenik
- Tembaga
- Kadmium

Kesan bahaya penggunaan:

- Parut kekal pada kulit
- Psoriasis
- Jangkitan kuman pada mata
- Masalah jantung
- Buah pinggang
- Gangguan sistem saraf
- Alzheimer

yang mengakibatkan mereka menjadi cacat akal atau menghidap penyakit Alzheimer pada masa akan datang," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Antara risiko penyakit yang me-



SEBUAH gerai didapati menjual produk kosmetik tiruan di sekitar ibu negara baru-baru ini.

ngancam pengguna ialah parut kekal pada kulit, psoriasis (penyakit kulit), jangkitan kuman pada mata, masalah jantung, buah pinggang dan gangguan sistem saraf.

Kebanyakan kosmetik tiruan

mengandungi bahan kimia seperti aluminium dan sejenis karsinogen yang menjadi agen pertumbuhan barah iaitu logam berilium, plumbum, arsenik, tembaga serta kadmium.

Tinjauan *Kosmo!* di sekitar ibu negara baru-baru ini mendapati produk tiruan tersebut mudah didapati termasuk di kaki lima jalan serta di gedung pakaian terkemuka.

Kosmetik tiruan itu dijual pada harga jauh lebih rendah berbanding produk tulen, misalnya satu pembayang mata (*eye-shadow*) berjenama M.A.C tulen dijual pada harga RM85 manakala harga produk tiruan cuma RM15.

Menurut Ko lagi, kualiti produk kosmetik yang dibeli di gedung utama terjamin dan sah serta selamat digunakan ke atas kulit pengguna.

"Sekiranya tidak mampu membeli kosmetik tulen berjenama, pengguna dinasihatkan membeli kosmetik pada harga berpatutan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan mudah didapati di farmasi," katanya.

Sementara itu, mengikut laporan Kementerian Kesihatan, sepanjang tahun lalu, barangan kosmetik tiruan bernilai sekitar RM9.8 juta berjaya dirampas oleh pihak berkuasa dan jumlah itu meningkat 22 kali ganda berbanding tempoh yang sama pada tahun 2010 iaitu RM446,415.